

NO. SOALAN: 191

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

RUJUKAN : 7273

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan lawatan luar oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang telah dilaksanakan untuk kaum Penan dan lain-lain di kawasan Baram sejak 10 tahun yang lepas serta nyatakan jumlah dokumen-dokumen peribadi yang telah diluluskan dan ditolak.

JAWAPAN:

Sejak tahun 2004 hingga bulan Ogos 2014, Jabatan Pendaftaran Negara telah mengadakan sebanyak 123 lawatan ke kawasan Baram melalui program *Outreach* dan memberi perkhidmatan pendaftaran kepada beberapa kampung sekitar, di seluruh pusat lawatan. Jumlah permohonan yang diterima dalam lawatan tersebut adalah sebanyak 13,662 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,086 permohonan merupakan permohonan Daftar Lewat dan Cabutan Sijil Kelahiran manakala sebanyak 7,576 permohonan lagi adalah permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan, Kad Pengenalan 12 Tahun dan Gantian Kad Pengenalan Kad Pengenalan. Selain itu, jumlah permohonan Sijil Daftar Lewat Kelahiran yang diterima bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 3,372 permohonan dan daripada jumlah ini, sebanyak 2,314 permohonan telah diluluskan dan baki sebanyak 1,058 permohonan lagi telah ditolak.